# BULETIN AKRAB PERDA

I ❤ PERDA

Bil.1/2018

Edisi : Januari -April

## MENARIK BULAN INI:


- Penubuhan AKRAB PERDA
- Aktiviti/Program AKRAB
- AKRAB Care
- AKRAB Sedia Membantu


### VISI

"Menjadikan AKRAB Sebagai Penggerak Pembangunan Modal Insan Dalam Pengurusan Sumber Manusia".

### MISI

Menyediakan Perkhidmatan Membimbing Bagi Membantu Rakan Sekerja Meningkatkan Potensi Dan Kecemerlangan Diri.

**Special Points Of Interest :**

- Tabung AKRAB Prihatin
- Kata-Kata Hikmah
- AKRAB dengan Masyarakat
- Silaturrahim AKRAB dan Warga Kerja
- Kesihatan Sepanjang Hayat

## AKTIVITI AKRAB (2017-2018)

### PENUBUHAN AKRAB PERDA

AKRAB PERDA telah ditubuhkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan PERDA Bilangan 3/2017 bertarikh 10 April 2017.

AKRAB PERDA dianggotai oleh 11 orang ahli yang diketuai oleh Timbalan Pengurus Besar Pembangunan En. Mohd Asri bin Baharum.



**Ahli AKRAB PERDA**



**Penyampaian Sijil Pentauliahan**

### PENTAULIAHAN AKRAB PERDA DI PERINGKAT JABATAN

Majls Pentauliahan AKRAB PERDA telah disempurnakan pada 27 Februari 2018 oleh Pengurus Besar PERDA bertempat di Dewan Mutiara Wawasan PERDA. Seramai 11 orang ahli AKRAB menerima pentauliahan masing-masing.



**Penyampaian Sijil Pentauliahan**



**Lawatan Ke AKRAB PERKESO**

### LAWATAN PENANDA ARAS

AKRAB PERDA telah mengadakan Lawatan Penanda Aras ke AKRAB ICU JPM, Bahagian Pengurusan Harta dan PERKESO pada 12-14 Mac 2018.



**Lawatan Ke AKRAB JPM**

Lawatan Penanda Aras ini bertujuan untuk mempelajari kaedah pelaksanaan AKRAB di agensi-agensi tersebut. Antara perkara yang dipelajari adalah penyediaan pelan strategik dan pengurusan program serta aktiviti AKRAB .



**Lawatan Ke AKRAB BPH**

SELAMAT HARI LAHIR KEPADA WARGA PERDA YANG LAHIR BULAN JANUARI HINGGA APRIL

**SIDANG REDAKSI**

Penaung: Tn. Haji Rosman Bin Haji Hashim
Ketua Editor: En. Mohd Asri Bin Baharum
Editor: Zainab Bt Puteh
Shaharizat Bt Che Rose
Penolong Editor: Roslina Bt Muhammad
Grafik:Suryana Bt Mohd Shariff

**AKRAB PERDA** I ❤ PERDA

*Prihatin*
*Empati*
*Responsif*
*Dedikasi*
*Amanah*

**AKRAB PRIHATIN**

## KATA-KATA HIKMAH

- Andai Tiada Bahu Untuk Menyandar, Masih Ada Tanah Untuk Bersujud PadaNya

- Kenapa Nak Bazirkan Masa Anda Dengan Bersedih? Banyak Lagi Perkara Gembira Yang Perlu Kita Raikan



*Hidup Mesti Semangat......*


AKRAB PERDA

LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG

NO 1 LORONG KG GAJAH 2 JALAN KG GAJAH

12200 BUTTERWORTH

TEL : 04 3141100

FAKS : 04 3321676

www.perda.gov.my


## APA ITU AKRAB?

AKRAB merupakan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam yang berkonsepkan "rakan membantu rakan" di dalam memupuk semangat berpasukan, keakraban dan membina potensi masing-masing.

Di antara objektif AKRAB adalah :

- Mewujudkan pegawai yang kompeten
- Mewujudkan suasana kerja yang harmoni
- Membantu mengurangkan masalah yang ditanggung oleh pegawai
- Meningkatkan empati di kalangan warga organisasi.

AKRAB bermatlamat berkongsi ilmu dan pengetahuan, berkongsi permasalahan, memperkuatkan semangat, sokongan kepada perubahan dan budaya kerja berpasukan.

**A**manah **K**omitmen **R**asional **A**khlak **B**estari

## BENGKEL PEMANTAPAN AKRAB PERDA

Bengkel Pemantapan AKRAB PERDA yang bertujuan untuk memantapkan pengurusan AKRAB telah diadakan pada 16 hingga 17 September 2017 bertempat di Kg. Acheh Management Centre Yan Kedah.

Di antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Mesyuarat Pengurusan Penubuhan AKRAB PERDA dan aktiviti untuk pemantapan ahli.





## AKRAB PERDA BERSAMA JPM

AKRAB PERDA bersama Bahagian Khidmat Pengurusan telah menjayakan program Bicara Ilmu pada 20 September 2017 yang bertajuk "Perkhidmatan Psikologi dan AKRAB Dalam Pengurusan". Ceramah telah disampaikan oleh En. Mohammed Kamal Bin Hj Mohamed Yusof iaitu Pegawai Psikologi Kanan JPM.





Di antara isi ceramah adalah kaedah menangani "stress di tempat kerja".

Selain daripada itu, program ini menjalankan aktiviti soal selidik tahap "STRESS" untuk semua warga PERDA.

## TABUNG AKRAB PRIHATIN

AKRAB PERDA telah melancarkan Tabung AKRAB Prihatin yang bertujuan untuk membantu meringgankan beban kepada warga PERDA yang ditimpa musibah.

Kutipan pertama telah berjaya mengumpul RM 1,534.00 dan telah disumbangkan kepada En. Azhar bin Hamid yang telah mengalami kemalangan jalanraya dan mendapat kecederaan tulang rusuk.

